

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 JULY 2016

PM saksi kerjasama Yayasan Peneraju-Inskan bersama Perhebat

UM - 26/7/2016

PUTRAJAYA 25 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyaksikan majlis pertukaran dokumen perjanjian antara Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) dan Institut Keusahawanan Negara (Inskan) bersama Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) untuk menjalinkan kerjasama pembangunan keusahawanan dan kemahiran bakal-bakal pesara tentera.

Majlis pertukaran dokumen berkenaan disempurnakan Ketua Eksekutif Inskan, Norizan Sharif bersama Pengerusi Perhebat, Leftenan Jeneral Datuk Abdul Aziz Ibrahim di Perdana Putra di sini.

Kerjasama tersebut menyaksikan Yayasan Peneraju-Inskan akan membantu Perhebat me-

nyelaraskan 'Inskan Entrepreneurship Learning Factory' sebagai pusat pembangunan usahawan untuk bakal-bakal pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mendapat pengalaman sebenar dalam bidang perniagaan yang ingin diceburi.

Inskan yang merupakan entiti di bawah kawal selia Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) juga akan melaksanakan Program Latihan Fasilitator Bisnes bagi membimbing 100 usahawan daripada Perhebat untuk menjadi mentor usahawan.

Dalam majlis berkenaan, Perdana Menteri juga menyerahkan Surat Tawaran Pengambilan kepada lapan ahli Perhebat ke dalam program Peneraju Skil Juruteknik Pesawat Berlesen di bawah Yayasan Peneraju.

Program itu memberi peluang kepada pesara-pesara ATM bumiputera untuk mendapatkan pensijilan profesional dalam bidang-bidang penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat untuk diiktiraf sebagai juruteknik pesawat berlesen.

Majlis berkenaan disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin; Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh dan Ketua Eksekutif Yayasan Peneraju, Raja Azura Raja Mahayuddin.

Yang hadir sama Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Sementara itu dalam majlis itu juga, Perdana Menteri turut menyaksikan majlis pertukaran dokumen perjanjian antara Sedania Inovator Berhad yang diwakili Pengarah Urusannya, Datuk Azrin Mohd. Noor dengan syarikat perkhidmatan analisis data antarabangsa, Cloudera yang diwakili Pengarah Serantaunya bagi ASEAN dan India, Joseph Lee.

Menerusi dokumen perjanjian itu, Sedania yang merupakan syarikat di bawah program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJB) Teraju akan mendapat hak untuk membekal perkhidmatan analisis data Cloudera kepada syarikat-syarikat di Malaysia serta akses kepada syarikat-syarikat di Asia Tenggara.